



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL.13/2024**

**PENGGUNAAN PLATFORM SISTEM PENGURUSAN MESYUARAT eMEETING  
DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rekod Universiti Malaysia Kelantan Bil. 1/2024 (Kali ke-15) berkenaan Penggunaan Platform Sistem Pengurusan Mesyuarat eMeeting di Universiti Malaysia Kelantan hanya diberikan kepada staf yang berstatus Tetap dan Kontrak sahaja.
2. Manakala staf yang berstatus Pekerja Sambilan Harian (PSH) adalah tidak dibenarkan menggunakan platform tersebut kecuali mendapat kebenaran khas dan bertulis dari Ketua Pusat Tanggungjawab serta telah menandatangani Surat Aku Janji yang telah disediakan. Hal ini adalah bagi memastikan segala dokumen Rahsia Rasmi dalam sistem tersebut dilindungi berdasarkan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).
3. Sebarang pencerobohan ke atas dokumen Rahsia Rasmi akan diambil tindakan. Kecuaian staf yang boleh menyebabkan kehilangan maklumat di dalam platform tersebut adalah di bawah tanggungjawab staf dan juga Ketua Pusat Tanggungjawab.
4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan kerjasama semua pihak dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan ke atas pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KHAIRUL ERUAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K.)**  
Pendaftar

8 SEPTEMBER 2024

s.k - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab